

## Literasi peta dunia dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Geografi Universiti Pendidikan Sultan Idris

*World map literacy among Bachelor of Geography Education students of Universiti Pendidikan Sultan Idris*

AMINA PANG

E-mail: aminapang1997@gmail.com

DOI: <https://doi.org/10.37134/geografi.vol8.1.5.2020>

Published online: 30 June 2020

To cite this article (APA): Pang, A. (2021). Literasi peta dunia dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Geografi Universiti Pendidikan Sultan Idris. *GEOGRAFI*, 8(1), 111-140.

<https://doi.org/10.37134/geografi.vol8.1.5.2020>

**ABSTRAK** Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap literasi peta dunia dan faktor yang menentukannya dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Geografi di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Bagi mencapai tujuan tersebut, reka bentuk kajian tinjauan menggunakan instrumen borang soal selidik digunakan. Sampel kajian terdiri daripada 191 orang mahasiswa geografi di UPSI dengan menggunakan teknik persampelan rawak mudah. Data dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif (kekerapan, peratus dan min) dan analisis inferensi iaitu ujian Khi-kuasa Dua. Dapatan kajian daripada ujian literasi peta dunia menunjukkan bahawa tahap literasi peta dunia dalam kalangan mahasiswa geografi adalah tahap yang baik (71.7%). Seterusnya, analisis daripada ujian Khi-kuasa Dua menunjukkan bahawa tahap literasi peta dunia ditentukan oleh faktor tahap minat mempelajari peta dunia [ $X^2 = 24.305$ ,  $df=9$ ,  $N=191$ ,  $p= .004$  ], kekerapan menggunakan perisian Google Earth [ $X^2 = 21.645$ ,  $df=12$ ,  $N=191$ ,  $p=0.042$  ], kekerapan menonton televisyen berkaitan informasi negara luar [ $X^2 = 30.135$ ,  $df=12$ ,  $N=191$ ,  $p= .003$  ], pengalaman melancong [ $X^2 = 13.143$ ,  $df=3$ ,  $N=191$ ,  $p= .004$  ] dan ibu bapa yang prihatin terhadap pencapaian akademik [ $X^2 = 34.939$ ,  $df=12$ ,  $N=191$ ,  $p= .000$  ]. Dapatan daripada kajian ini bermanfaat kepada pelbagai pihak yang berkaitan bagi melakukan intervensi yang sepadan dalam meningkatkan tahap literasi peta dunia khususnya dalam kalangan mahasiswa geografi di UPSI dan generasi muda secara amnya.

**Kata kunci:** Literasi peta dunia, geografi, pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Geografi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

**ABSTRACT** The purpose of this study is to identify the level of world map literacy and its determinants among students of the Bachelor of Geography Education at the Universiti Pendidikan Sultan Idris. To achieve this purpose, a survey study design through a questionnaire instrument was used. The study sample consisted of 191 geography students at UPSI using simple random sampling techniques. Data were analysed using descriptive analysis (frequency, percentage and mean) and inferential statistics, namely the Chi-Square test. The results obtained in this study suggest that the level of world map literacy among geography students generally is at good level (71.7%). The results from Chi-Square test further indicate that the level of world map literacy is entirely determined by interest in learning world maps [ $X^2 = 24.305$ ,  $df = 9$ ,  $N = 191$ ,  $p = .004$  ], frequency of using Google Earth software [ $X^2 = 21.645$ ,  $df = 12$ ,  $N = 191$ ,  $p = 0.042$  ], frequency of watching television related to foreign information [ $X^2 = 30.135$ ,  $df = 12$ ,  $N = 191$ ,  $p = .003$  ], travel experience [ $X^2 = 13.143$ ,  $df = 3$ ,  $N = 191$ ,  $p = .004$  ] and



parents support with academic achievement [ $X^2 = 34.939$ ,  $df = 12$ ,  $N = 191$ ,  $p = .000$ ]. Findings from this study are beneficial to various relevant parties to carry out appropriate interventions in improving the level of world map literacy, especially among geography students at UPSI and the younger generation in general.

**Keywords:** World map literacy, geography, Bachelor of Geography Education students, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

## 1. Pengenalan

Pengetahuan tentang kedudukan sesuatu lokasi dan tempat merupakan salah satu daripada lima tema yang terkandung dalam disiplin ilmu geografi (Dunn, 2011). Secara asasnya, disiplin ilmu geografi merangkumi kemampuan seseorang individu untuk mengenali dan memahami lokasi, tempat dan wilayah yang bersifat saling berhubung antara satu sama lain. Pengetahuan lokasi dan tempat sering dikaitkan dengan keupayaan untuk membaca, memahami dan menafsir maklumat yang terdapat dalam peta seperti berupaya mengenal pasti nama-nama negara, bandar dan lautan (Larangeira & Van Der Merwe, 2016). Sementara itu, peta pula adalah alat geografi yang menggambarkan secara visual tentang pembahagian tempat dan wilayah yang terdapat di permukaan bumi. Peta dapat membantu manusia untuk mengenali persekitaran mereka, memperoleh kemampuan untuk melihat dan menganalisis fenomena geografi yang berlaku di persekitaran mereka dan di seluruh dunia dan kedudukan sesuatu tempat dan saling kaitannya antara satu sama lain (Pala & Başibüyük, 2020). Pada abad ke-15 sehingga abad ke-17 dikenali sebagai Zaman Eksplorasi di dunia barat. Hal ini tercetus apabila penjelajah Itali iaitu Marco Polo mula mengetahui tentang kekayaan sumber di negara China dan berhasrat untuk menjelajah dan meneroka ke negara tersebut. Beliau telah menghasilkan sebuah buku iaitu bertajuk *The Travels of Marco Polo*. Buku ini mengandungi ilmu geografi dan menjadi sumber rujukan oleh para pengembara Eropah untuk melakukan ekspedisi serta menghasilkan peta dunia yang lebih tepat (National Geographic, 2011). Dalam lain perkataan, seseorang itu dapat mengetahui tentang kedudukan sesuatu tempat, negeri, negara dan benua dengan hanya merujuk kepada peta. Maklumat ini sangat berguna ke arah menjadi warga global yang lebih berilmu dan bertanggungjawab dengan apa yang berlaku di tempat-tempat lain.

Dalam konteks ini, mempunyai tahap literasi geografi dan literasi peta dunia yang baik amatlah penting. Malah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1990 telah mengenal pasti dan mengiktiraf literasi geografi sebagai salah satu daripada tiga puluh empat bidang literasi baharu yang perlu dikuasai oleh setiap individu. Salah satu komponen literasi geografi yang sering dikaji oleh kebanyakan pengkaji ialah literasi peta dunia. Menurut Hennerdal (2016) literasi peta dunia telah mendapat perhatian di negara barat sejak awal tahun 1980-an lagi. Literasi peta dunia merupakan aspek penting dan telah memberikan sumbangan yang besar dalam konteks meningkatkan sifat ingin tahu dan memahami budaya negara luar secara



meluas (Zhu et al., 2016). Selepas berlakunya Perang Dunia ke-2, UNESCO menegaskan kepentingan pendidikan demi kedamaian. Maka, diharapkan geografi dapat dipelajari dengan lebih baik dan seterusnya mendidik manusia agar menghargai dan menghormati negara lain (Waddington & Shimura, 2019). Apakah itu literasi peta dunia? Literasi peta dunia merujuk kepada maklumat tentang sesebuah lokasi, fenomena fizikal dan budaya yang terdapat di permukaan bumi (Hennerdal, 2016). Selain itu, literasi peta dunia juga merujuk kepada keupayaan seseorang individu untuk mengenal pasti kedudukan sesebuah tempat termasuklah bandar, negara, wilayah dan bentuk muka bumi dalam peta dunia serta pemahaman seseorang terhadap dunia dalam konteks reruang yang meliputi pemahaman terhadap manusia, budaya, tempat dan persekitaran (Zhu et al., 2016). Sementara itu Turner dan Leydon (2012) mendefinisikan literasi peta dunia sebagai kemampuan individu untuk mengingat semula nama dan menentukan suatu lokasi dalam peta dunia. Justeru, kajian ini akan menggunakan definisi literasi peta dunia yang diberikan oleh pengkaji-pengkaji ini sebagai asas penting dalam kajian yang akan dijalankan ini.

Dapatan daripada kajian lepas menunjukkan berlaku kemerosotan terhadap tahap pengetahuan berkaitan pengetahuan lokasi negara atau tempat dalam peta dunia tidak kira pelajar sekolah menengah mahupun di peringkat pengajian tinggi. Di negara Indonesia misalnya, kajian yang dilakukan oleh Segara et al. (2018) mendapati literasi pengetahuan peta dunia dalam kalangan golongan muda masih rendah. Begitu juga dengan kajian yang dijalankan di Amerika Syarikat menunjukkan tahap literasi pengetahuan peta dunia menunjukkan sebanyak 14% pelajar tidak mengetahui di mana terletak lokasi negara Amerika Syarikat dalam peta dunia dan 25% pelajar tidak berupaya mengetahui Lautan Pasifik (Utami et al., 2018). Hasil kajian *Wits School of Education* di Johannesburg turut menunjukkan terdapat ramai mahasiswa di peringkat pengajian tinggi yang mempunyai literasi yang rendah tentang peta dunia (Larangeira & Van Der Merwe, 2016).

Berdasarkan kepada masalah yang dibincangkan di atas, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap literasi peta dunia dalam kalangan mahasiswa geografi di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Bagi mencapai tujuan tersebut, reka bentuk kajian tinjauan menggunakan instrumen borang soal selidik digunakan.

## 2. Sorotan Literatur

Berdasarkan kepada sorotan literatur yang dibuat, terdapat beberapa kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji lepas untuk mengenal pasti tahap literasi peta dunia khususnya dalam kalangan belia. Misalnya kajian yang dijalankan oleh Hennerdal (2016) bagi meneliti tahap literasi peta dunia dalam kalangan pelajar di Arvika iaitu di negara Sweden pada tahun 2013. Kajian ini dijalankan untuk meneliti perbezaan tahap pengetahuan lokasi dan tempat dalam kalangan pelajar pada tahun 1968 yang telah dijalankan oleh pengkaji lepas dan tahun 2013. Dalam tempoh 45 tahun tersebut

menunjukkan terdapat perubahan tahap literasi berkaitan pengetahuan nama tempat dan lokasi. Dapatan kajian menunjukkan wujudnya peningkatan dalam pengetahuan benua dan lautan. Peratusan pengetahuan terhadap benua pada tahun 1968 adalah sebanyak 51% kemudian meningkat kepada 67% pada tahun 2013. Manakala bagi pengetahuan lautan meningkat daripada 46% kepada 48%. Namun begitu, tahap literasi dalam mengenal pasti kedudukan negara, wilayah dan pulau dalam peta Eropah menunjukkan penurunan. Peratusan pengetahuan terhadap nama negara pada tahun 1968 adalah 64% kemudian menurun kepada 60% manakala pengetahuan tentang pulau menurun daripada 51% kepada 32% dan akhir sekali iaitu pengetahuan terhadap nama sungai iaitu sebanyak 49% pada tahun 1968 kemudian menurun kepada 29% pada tahun 2013. Perubahan peratusan dalam hasil kajian ini tidak dapat mewakili peningkatan secara menyeluruh kerana pelajar masih tidak berupaya mengenal pasti nama-nama negara dalam peta dunia.

Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh *National Geographic Education Foundation* (2006) bagi meneliti pengetahuan lokasi dan tempat dalam kalangan belia yang berumur 18 hingga 24 tahun. Kajian ini dijalankan di negara Amerika Syarikat dan melibatkan seramai 510 orang responden. Dapatan kajian berkaitan literasi peta bagi kedudukan beberapa buah negara Timur Tengah menunjukkan hanya 37% pelajar berupaya mengenal pasti kedudukan negara Iraq, Arab Saudi (37%), Iran (26%) dan Israel (25%). Secara keseluruhannya, hanya 14% pelajar dapat menjawab semua soalan ini dengan betul. Bagi literasi peta negara Asia pula mencatatkan 69% pelajar berupaya mengenal pasti kedudukan negara China, India (53%), Jepun (49%) manakala Korea Utara dan Afghanistan masing-masing mencatatkan 30% dan 12%. Secara keseluruhannya, hanya 6% pelajar sahaja yang berupaya mengenal pasti kedudukan kesemua negara ini dengan betul. Akhir sekali, literasi bagi peta negara mereka sendiri iaitu di Amerika Syarikat, California (92%), Texas (92%), Louisiana (67%), Nevada (63%), Mississippi (52%), New York dan Ohio masing-masing mencatatkan 50% dan 43%. Keseluruhannya, hanya 20% pelajar yang berupaya menjawab kesemua soalan dengan betul. Berdasarkan kajian yang dijalankan ini, jelas memperlihatkan tahap literasi peta dunia dalam kalangan belia di Amerika Syarikat masih kurang memuaskan.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Torrens (2001) di negara Ireland yang bertujuan untuk menentukan tahap pengetahuan lokasi dan tempat menggunakan peta kosong dan meminta responden untuk menandakan lokasi negara atau tempat berdasarkan peta. Kajian ini melibatkan seramai 400 pelajar di Dublin, Ireland. Terdapat beberapa kategori soalan berkaitan pengetahuan lokasi dan tempat seperti kedudukan negara Ireland, bandar-bandar di Ireland, negara dan bandar yang terdapat di Eropah, serta negara dan bandar yang terkenal di dunia. Dapatan kajian menunjukkan tahap literasi peta dunia adalah lemah dalam kalangan pelajar di Dublin, Ireland. Sebanyak 58% pelajar dapat mengenal pasti kedudukan negara Ireland dalam peta dunia manakala hanya 57% dapat menjawab soalan berkaitan kedudukan bandar-bandar utama di Ireland. Bagi soalan mengenai lokasi negara-

negara Eropah, dapatan kajian menunjukkan 50% pelajar menjawab soalan dengan betul manakala bagi soalan bandar terkenal di dunia menunjukkan hanya 19% dapat menjawab dengan betul. Secara keseluruhannya, antara negara yang sukar dikenal pasti oleh pelajar adalah Iran (14.9%), Vietnam (14.1%) dan Kenya (11%), manakala bagi bandar yang mempunyai peratusan yang rendah adalah Omagn (7.9%), St. Petersburg (7.9%), San Diego (4.2%) dan Belarus (2.9%).

Kajian literasi lokasi dan tempat turut dijalankan di Malaysia oleh Mohd Faris et al. (2012) yang melibatkan lebih 400 orang pelajar universiti awam khususnya pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Sains Malaysia. Hasil kajian mendapati tahap literasi bagi lokasi dan tempat pelajar berada pada tahap yang rendah. Dapatan kajian turut memperlihatkan bahawa masih terdapat pelajar iaitu sebanyak 11.9% yang tidak berupaya mengenal pasti kedudukan Malaysia dalam peta Asia Tenggara. Sebaliknya, mereka menandakan kedudukan Malaysia di negara Indonesia (0.4%), Kemboja (0.2%), Thailand (0.2%), Myanmar (0.4%) dan pelajar yang menjawab tidak tahu adalah sebanyak 10.3%.

## *2.1 Faktor-faktor mempengaruhi tahap literasi peta dunia*

Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi tahap literasi peta dunia. Antaranya ialah faktor jantina, kekerapan menggunakan peta dunia, tahap minat terhadap geografi, pengalaman mempelajari geografi, pengalaman melancong, penggunaan media serta penglibatan ibu bapa. Perbincangan tentang faktor-faktor ini adalah berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini.

### *2.1.1 Jantina*

Menurut kajian yang dijalankan oleh *National Geographic Roper Survey* (2002) bagi meninjau tahap literasi geografi dalam kalangan belia yang berumur 18 hingga 24 tahun seramai 3,250 orang responden dan melibatkan sembilan buah negara iaitu Amerika Syarikat, Kanada, Perancis, Jerman, Britain, Itali, Jepun, Mexico dan Sweden. Antara soalan yang dikemukakan meliputi pengetahuan lokasi dan tempat dalam peta Eropah, peta Asia dan peta dunia. Selain itu, pengetahuan berkaitan isu semasa dunia yang meliputi populasi, sumber semula jadi, kesihatan, politik, ekonomi dan lain-lain. Dalam hasil kajian menunjukkan faktor jantina mempengaruhi tahap literasi geografi. Tahap literasi geografi bagi negara Amerika Syarikat, Kanada, Jerman, Britain, Itali, Jepun, Mexico dan Sweden menunjukkan prestasi responden lelaki lebih tinggi dengan min purata sebanyak 29.2 manakala responden perempuan mencatatkan min purata 25.8. Jantina merupakan antara faktor penting dalam mempengaruhi tahap literasi geografi dalam kalangan kanak-kanak mahupun orang dewasa (Winship et al., 2004).

Menurut laporan UNESCO pada tahun 2010, negara Zimbabwe merupakan salah sebuah negara yang mempunyai kadar literasi tinggi di Sub-Saharan Afrika.



Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Mhishi et al. (2013) berkaitan tahap literasi geografi termasuk pengetahuan tentang lokasi dan tempat telah menunjukkan bahawa pelajar lelaki mempunyai tahap literasi geografi yang lebih tinggi dengan memperoleh skor min sebanyak 81% manakala pelajar perempuan memperoleh skor min dengan hanya 67%. Terdapat perbezaan nilai skor min yang amat ketara bagi kedua-dua jantina. Hal ini demikian kerana terdapat perbezaan terhadap pendedahan kepada ilmu geografi antara lelaki dan perempuan.

Di samping itu, terdapat kajian lain yang mendapati bahawa pelajar lelaki mempunyai tahap literasi peta yang lebih tinggi berbanding pelajar perempuan iaitu kajian yang dijalankan oleh Hemmer et al. (2013) mendapati pemboleh ubah jantina terbukti relevan dalam mempengaruhi tahap literasi peta. Kajian ini dijalankan di bandar Munster, Jerman dan melibatkan seramai 328 pelajar bagi meninjau kemampuan pelajar terhadap pengetahuan peta. Dapatan kajian mendapati bahawa pelajar lelaki memperoleh min purata yang lebih tinggi iaitu sebanyak 10.51 manakala pelajar perempuan memperoleh min purata sebanyak 9.53. Kecerdasan dalam aspek memahami ruang, pengalaman serta konsep sendiri pelajar lelaki adalah lebih baik berbanding pelajar perempuan.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Winship et al. (2004) berkaitan tahap pengetahuan geografi turut memperlihatkan bahawa pelajar lelaki memperoleh skor min yang lebih tinggi iaitu sebanyak 37.7 berbanding pelajar perempuan iaitu hanya 33.6. Hasil kajian ini menunjukkan faktor jantina mempunyai hubungan yang signifikan terhadap tahap literasi geografi. Antara punca yang menyebabkan berlakunya perbezaan tahap literasi geografi bagi kedua-dua jantina adalah pengaksesan jenis berita oleh pelajar perempuan berfokus kepada berita yang pelbagai dan tidak berfokus pada berita yang berunsurkan geografi. Selain itu, perbezaan ini juga disebabkan wujudnya perbezaan proses sosialisasi, budaya serta tahap fisiologi manusia.

### 2.2.2 Kekerapan menggunakan peta dunia

Kajian yang dilakukan oleh Hamdanah et al. (2004) menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara penggunaan aplikasi *Google Earth* dengan tahap literasi peta dunia. Berdasarkan hasil pemerhatian awal di sekolah menengah Cianjur, Indonesia memperlihatkan bahawa terdapat sebilangan pelajar mengalami kesukaran dalam mempelajari peta dan tidak berupaya untuk mengenal pasti nama-nama tempat dalam peta Indonesia dan negara lain dalam peta dunia. Tindakan susulan telah dijalankan untuk meninjau sama ada penggunaan perisian *Google Earth* dapat meningkatkan tahap literasi peta dalam kalangan pelajar. Kajian ini menggunakan ujian sebelum dan selepas menggunakan perisian tersebut. Hasil kajian menunjukkan pelajar berupaya mengenal pasti nama-nama lokasi dan tempat selepas didedahkan dengan penggunaan perisian *Google Earth*. Kajian ini juga disokong oleh Havelková



dan Hanus (2019) yang menyatakan bahawa pelajar yang kerap menggunakan peta mampu meningkatkan pengetahuan dan menafsir maklumat lokasi dan tempat dalam peta serta memahami perkembangan dunia dengan lebih mudah.

Aksoy (2019) telah menjalankan sebuah kajian untuk menentukan tahap literasi peta dengan menggunakan beberapa pemboleh ubah yang mungkin mempengaruhi tahap literasi peta pelajar geografi seramai 391 orang pelajar di Gazi University, Turki. Antara pemboleh ubah bebas tersebut adalah kekerapan menggunakan peta. Dapatan kajian menunjukkan bahawa seramai 80 orang pelajar (20.05%) tidak pernah menggunakan peta, 191 orang (48.8%) kurang menggunakan peta. Sementara itu, seramai 100 orang (25.6%) memilih sederhana dan manakala 20 orang pelajar (5.1%) kerap menggunakan peta dalam kehidupan seharian. Berdasarkan hasil analisis regresi yang telah dilakukan, didapati bahawa terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara tahap literasi peta dan kekerapan dalam penggunaan peta dalam kalangan pelajar geografi dimana pelajar yang kerap menggunakan peta dunia memperoleh skor yang lebih tinggi berbanding mereka yang jarang menggunakan peta. Maka, dapatan kajian ini menunjukkan kekerapan dalam menggunakan peta mampu mendorong seseorang untuk lebih mudah mengenal pasti kedudukan negara dalam peta dunia.

Sejak tahun 1990, peta atau gambaran grafik yang mewakili lokasi dan tempat amat penting dalam bidang kajian geografi. Kepentingan ini menyebabkan bermulanya perkembangan dalam teknologi geografi ruang yang boleh diakses dengan lebih efisien dan interaktif seperti perisian *Google Earth*. Perisian ini merupakan glob digital terbaik di dunia. Golongan belia yang kurang menggunakan peta telah menyebabkan kebanyakan mereka tidak celik terhadap pengetahuan lokasi dan tempat. Hal ini disebabkan pengalaman menggunakan peta memainkan peranan dalam membantu individu bertindak lebih cekap dan mampu mengenal pasti nama-nama lokasi atau tempat dengan lebih berkesan. Maka, peningkatan dalam penggunaan peta telah membantu dalam meningkatkan tahap literasi peta seseorang individu (Rautenbach et al., 2017).

### 2.2.3 Minat terhadap geografi

Di samping dua faktor yang dibincangkan di atas, faktor minat terhadap geografi juga mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap literasi peta dunia. Misalnya, kajian yang dilakukan oleh Aksoy (2019) ke atas 391 orang pelajar geografi di Gazi University, Turki menunjukkan sebanyak 13.8% pelajar tidak berminat dalam bidang geografi, 27.1% pelajar kurang berminat terhadap bidang geografi, 38.9% pelajar memilih tahap sederhana manakala 20.2% pelajar sangat berminat dengan bidang geografi. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara tahap literasi peta dan juga tahap minat dalam geografi. Pelajar yang mempunyai tahap minat yang tinggi terhadap geografi memperoleh prestasi skor yang lebih tinggi berbanding pelajar yang kurang minat geografi. Maka, kajian ini menyokong bahawa



pemboleh ubah tahap minat dalam geografi mempunyai hubungan yang signifikan terhadap tahap literasi peta dalam kalangan pelajar.

Antara faktor ilmu geografi tidak mendapat perhatian oleh segelintir pelajar adalah disebabkan sikap tidak berminat terhadap geografi. Sebagai contoh, di Pakistan, geografi dianggap tidak begitu penting serta tidak mendapat pengiktirafan dalam pendidikan. Telah menjadi stereotaip umum di negara tersebut tentang ketidakperluan untuk mempelajari ilmu geografi sebaliknya berfokus kepada bidang lain seperti kimia, fizik, biologi, ekonomi, perniagaan dan lain-lain yang dilihat mempunyai peluang pekerjaan yang lebih tinggi. Persepsi sebegini telah mempengaruhi tahap minat pelajar terhadap geografi. Sebuah kajian dijalankan oleh Fatima (2016) di beberapa buah sekolah dan universiti yang melibatkan seramai 106 pelajar yang terdiri daripada pelajar sekolah menengah dan pelajar universiti. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk meninjau pendapat mereka untuk mengambil geografi dalam pendidikan yang lebih tinggi. Hasil kajian memperlihatkan kebanyakan pelajar sekolah menengah enggan mengambil dan mempelajari geografi kerana tidak mempunyai minat dalam geografi. Selain itu, pelajar sarjana mencatatkan seramai 38% tidak berminat untuk mempelajari geografi kerana mereka menganggap ilmu geografi adalah sesuatu yang agak membosankan.

### 2.2.3 Pengalaman mempelajari geografi



Wakabayashi (2013) menjalankan kajian bagi mengenal pasti hubungan antara keupayaan membaca peta dengan pengalaman mempelajari geografi semasa sekolah menengah. Kajian ini dijalankan di *Tokyo Metropolitan University* yang melibatkan 139 orang pelajar. Daripada jumlah ini, seramai 80 orang pelajar mengambil kursus kemanusiaan dan selebihnya merupakan pelajar yang mengambil kursus aliran sains. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pengalaman mereka mengambil geografi semasa sekolah menengah dan prestasi soalan yang diberikan berkaitan peta. Kajian ini membuktikan bahawa pelajar yang mempunyai pengalaman mengambil geografi cenderung mempunyai tahap pengetahuan tentang lokasi dan tempat dalam peta lebih tinggi berbanding mereka yang tidak mengambil geografi ketika di sekolah. Hal ini disebabkan pelajar yang mempunyai pengalaman mengambil geografi lebih banyak menerima pendedahan dalam penggunaan peta semasa di bilik darjah.

Tahap literasi geografi dalam kalangan pelajar universiti di Texas, Amerika Syarikat adalah rendah disebabkan kekurangan pendidikan formal geografi di kebanyakan sekolah rendah serta tahap literasi geografi yang rendah dalam kalangan guru. Negara Amerika Syarikat merupakan satu-satunya negara di dunia dimana pelajar boleh mencapai kelulusan daripada sekolah rendah sehingga universiti tanpa perlu mengikuti kursus geografi. Maka hal ini menyebabkan mereka tidak



mempunyai pengalaman dan pengetahuan untuk mempelajari ilmu berkaitan geografi termasuklah mempelajari peta dunia (Suhendra et al., 2020).

#### 2.2.4 Pengalaman melancong

Kajian yang dilakukan oleh Torrens (2001) membuktikan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara skor ujian peta pelajar dengan kekerapan melancong ke dalam atau luar negara. Pelajar yang sering dan kerap melancong dapat menunjukkan prestasi yang lebih baik berbanding mereka yang kurang melancong ke dalam atau luar negara. Tahap pengetahuan lokasi dan tempat dalam peta dunia semakin meningkat seiring dengan peningkatan kekerapan melancong. Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Collins (2018) juga menunjukkan pelajar yang mencatatkan kekerapan melancong ke luar negara berpotensi dalam mengenal pasti lokasi dan tempat lebih tinggi berbanding pelajar yang mempunyai kekerapan melancong yang sedikit. Dengan aktiviti melancong ini pelajar juga dapat pengalaman untuk berada di tempat dan memahami budaya dan corak hidup yang berbeza-beza.

#### 2.2.5 Penggunaan media

 Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Hennerdal (2016) menunjukkan bahawa faktor penggunaan media mempunyai hubungan yang signifikan dalam meningkatkan tahap pengetahuan tentang benua dan lautan. Kajian ini bertujuan untuk melihat perbezaan tahap literasi pengetahuan lokasi dan tempat di Sweden bagi tahun 1968 dan 2013. Terdapat peningkatan tahap literasi dalam mengenal pasti benua dan lautan. Hal ini disebabkan kekerapan penggunaan media dalam kalangan pelajar semakin meningkat pada tahun 2013. Hasil kajian menunjukkan pelajar yang membaca surat khabar setiap minggu dan kerap membaca buku di luar masa persekolahan dapat membantu pelajar mendapat prestasi skor yang lebih tinggi.

Di samping itu, kajian yang dilakukan oleh Mhishi et al. (2013) turut menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara penggunaan media dan tahap literasi peta dunia. Kajian ini turut mengkaji persepsi pelajar tentang kepentingan penggunaan media dalam meningkatkan pengetahuan tentang peta dunia. 98% pelajar berpendapat bahawa penting untuk mengikuti perkembangan semasa dunia melalui penggunaan media. 38% pelajar bersetuju sumber utama untuk mempelajari tentang dunia adalah menerusi berita dalam internet manakala surat khabar seramai 21%, radio 16% dan televisyen adalah sebanyak 15%. Secara keseluruhannya, 99% pelajar berpendapat pentingnya mempunyai kemahiran penggunaan media dan internet dalam meningkatkan tahap literasi lokasi dan tempat. Dapatan kajian turut mencatatkan kekerapan penggunaan media amat mempengaruhi pengetahuan pelajar dan cenderung memperoleh skor min yang lebih tinggi berbanding pelajar yang jarang menggunakan media.

### 2.2.6 Penglibatan ibu bapa

Ibu bapa merupakan guru pertama kepada setiap insan. Pengaruh ibu bapa terhadap anak-anak mereka adalah bersifat kekal dan amat memberi kesan dalam diri mereka. Menurut Thanusha Muniandy (2019) peranan ibu bapa amat penting dalam meningkatkan perkembangan literasi anak-anak mereka. Sering terdapat pandangan yang menyatakan bahawa hanya guru di sekolah sahaja yang mempunyai tanggungjawab dalam memberikan pendidikan. Namun, kebanyakan orang tidak menyedari akan pentingnya mendidik dan membentuk anak-anak di rumah. Thanusha Muniandy (2019) turut menegaskan bahawa ibu bapa yang mempunyai sikap rajin membaca mampu mempengaruhi minat dan motivasi anak-anak mereka. Sokongan emosi dan penjagaan yang baik daripada ibu bapa mampu membantu meningkatkan prestasi akademik dan pengetahuan mereka.

Menurut Hemmerechts et al. (2016) menyatakan bahawa penglibatan ibu bapa dalam meningkatkan literasi sejak kecil mempunyai hubungan yang signifikan terhadap prestasi akademik mereka di sekolah. Penyelidik turut mendakwa bahawa tahap pendidikan dan status sosioekonomi ibu bapa memainkan peranan yang penting terhadap literasi anak-anak mereka. Hal ini turut disokong oleh Teale (1986) yang menyimpulkan bahawa faktor struktur budaya dan sosial mampu mempengaruhi literasi kanak-kanak secara umum.

Terdapat kajian terkini yang dilakukan oleh Erol (2020) dan dalam kajian beliau menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara literasi peta dunia dengan tahap pendidikan dan jumlah pendapatan ibu bapa. Kajian ini telah dijalankan di negara Turki dan melibatkan seramai 206 pelajar sekolah menengah. Kajian ini turut menggunakan beberapa pemboleh ubah bebas antaranya ialah tahap pendidikan ibu dan bapa bagi melihat potensi pemboleh ubah ini dalam mempengaruhi tahap pengetahuan pelajar terhadap peta dunia. Hasil kajian menunjukkan tahap pendidikan ibu iaitu tidak bersekolah adalah seramai 10 orang dan mendapat skor min 25.40, bagi sekolah rendah seramai 37 orang dan memperoleh skor min 29.54. Seterusnya, bagi tahap pendidikan peringkat sarjana seramai 65 orang dan skor min sebanyak 37.66 manakala bagi tahap pascasiswazah adalah 2 orang dan telah berjaya memperoleh 69.25 dalam skor min menjawab ujian yang diberikan. Bagi tahap pendidikan bapa pula, 18 orang memilih tahap sekolah rendah dengan mendapat skor min 17.92 manakala tahap pendidikan tertinggi iaitu pascasiswazah seramai 1 orang dan skor min adalah 38.50. Dapatan ini jelas membuktikan bahawa literasi peta dunia meningkat apabila pendidikan ibu dan bapa mencapai tahap yang lebih tinggi. Hal ini demikian kerana ibu bapa mereka berupaya membantu meningkatkan pengetahuan dan prestasi mereka berbanding ibu bapa yang tidak mempunyai kelulusan pendidikan.

### 3. Metodologi Kajian

Kajian yang dijalankan ini dilakukan ke atas pelajar Ijazah Sarjana Mudah Pendidikan Geografi UPSI. Pelajar ini dipilih kerana memandangkan mereka merupakan bakal guru geografi dan menjadi keperluan untuk memiliki tahap literasi peta dunia yang baik kerana apabila mereka menjadi pendidik di sekolah kelak mereka dapat melahirkan generasi masa depan yang responsif, dan bertanggungjawab dan tahu tentang dunia yang mereka diami. Populasi kajian yang terlibat adalah terdiri daripada pelajar geografi tahun satu hingga tahun empat bagi sesi 2020/2021 di UPSI dan jumlah keseluruhan populasi adalah seramai 552 orang pelajar. Seterusnya, jadual penentu saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970) telah digunakan dalam menentukan saiz sampel bagi penyelidikan ini. Melalui jadual penentu saiz sampel tersebut, sampel kajian yang sesuai digunakan bagi jumlah populasi yang dinyatakan dalam kajian ini adalah seramai 226 orang pelajar. Walau bagaimanapun, disebabkan kekangan yang dihadapi iaitu wabak COVID-19 menyebabkan keterbatasan pergerakan fizikal kesan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan capaian terhadap internet bagi sesetengah sampel kajian, respon yang berjaya diperolehi adalah sebanyak 191 orang sahaja. Jumlah ini difikirkan mencukupi bagi mewakili jumlah keseluruhan populasi yang dikaji dan mencapai tujuan kajian yang dinyatakan.

Bagi instrumen kajian pula, ia dibina berdasarkan kepada rujukan yang dibuat ke atas kajian lepas dan kemudian diubahsuai agar bersesuaian dengan tujuan kajian yang hendak dijalankan. Instrumen borang soal selidik yang dibina terdiri daripada lima bahagian iaitu Bahagian A, B, C, D dan E dengan jumlah soalan sebanyak tujuh puluh empat soalan. Bahagian A merupakan latar belakang responden, Bahagian B merupakan soalan tentang pendedahan pelajar terhadap penggunaan peta dunia. Seterusnya, Bahagian C pula adalah berkaitan kekerapan penggunaan media dan aktiviti melancong. Bahagian D mengandungi soalan tentang penglibatan ibu bapa dalam mempengaruhi literasi pelajar. Akhir sekali, Bahagian E merupakan ujian literasi peta dunia. Penting untuk dinyatakan disini bahawa, instrumen dalam Bahagian B adalah menggunakan skala Guttman bagi meneliti faktor yang menentukan tahap literasi peta dunia dalam kalangan pelajar geografi di UPSI. Bahagian B memerlukan responden untuk menjawab “Ya” atau “Tidak” untuk mengenal pasti faktor-faktor yang dapat menentukan tahap literasi peta dunia mereka. Bagi jawapan yang positif iaitu “Ya” akan diberikan nilai skor 1 manakala bagi jawapan “Tidak” pula diberikan nilai skor 0.

Selain itu, Bahagian B turut menggunakan instrumen skala Likert lima pilihan dalam soalan yang berkaitan kekerapan menggunakan peta dunia. Dalam bahagian ini, terdapat beberapa item yang menggunakan skala Likert. Antaranya ialah soalan

berkaitan tahap minat pelajar terhadap geografi dan memerlukan pelajar untuk memilih jawapan dalam bentuk skala Likert lima pilihan iaitu Sangat Minat (1), Minat (2), Sederhana (3), Tidak Minat (4) dan Sangat Tidak Minat (5). Seterusnya, Bahagian B menggunakan skala Likert lima pilihan untuk meneliti faktor kekerapan menggunakan peta dalam kalangan pelajar iaitu 1(Sangat Jarang), 2 (Jarang), 3 (Sederhana), 4 (Kerap) dan 5 (Sangat Kerap). Set soal selidik dalam Bahagian C mengkehendaki responden untuk menjawab soalan berkaitan kekerapan dalam penggunaan media untuk memperoleh maklumat berkaitan peta dunia. Soalan ini juga menggunakan skala Likert lima pilihan bagi memperoleh data dan maklumat penyelidikan. Pilihan jawapan dalam Bahagian C merangkumi Tidak Pernah (1), Sebulan Sekali (2), Seminggu Sekali (3), Seminggu Dua Kali (4) dan Setiap Hari (5). Akhir sekali, dalam Bahagian D mengandungi soalan tentang penglibatan ibu bapa terhadap pembelajaran geografi responden. Pilihan jawapan dalam bahagian ini menggunakan skala Likert lima pilihan iaitu Sangat Tidak Setuju (1), Tidak Setuju (2), Sederhana (3), Setuju (4) dan Sangat Bersetuju (5). Ujian kebolehpercayaan dan kesahan instrumen juga telah dijalankan sebelum instrumen akhir diedarkan kepada responden dan memperoleh skor yang memuaskan bagi setiap kumpulan; Bahagian B (0.840), Bahagian C (0.619), Bahagian D (0.876) dan Bahagian E (0.961).

Bagi aspek pengumpulan data, instrumen soal selidik diedarkan dalam bentuk *Google Form* dan hantar kepada responden untuk dijawab. Hal ini disebabkan halangan COVID-19 yang menyebabkan sukar untuk bersemuka dengan responden. Responden diingatkan supaya menjawab sejujur mungkin kerana tinjauan yang dijalankan bukan untuk mengukur tahap kepandaian mereka sebaliknya berguna dalam memberikan maklumat berguna kepada pihak berkaitan untuk melakukan intervensi bagi memperbaiki sebarang kelemahan yang diperoleh menerusi dapatan daripada kajian yang dijalankan ini. Setelah semua respon diperoleh daripada responden, instrumen soal selidik yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif dan inferensi menerusi perisian *Statistical Packages for Social Sciences* (SPSS).

#### 4. Dapatan Kajian

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian berdasarkan analisis yang dijalankan ke atas respon yang diberikan oleh 191 orang responden kajian. Ia dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu faktor-faktor yang mungkin memnentukan tahap literasi peta dunia, tahap literasi peta dunia dan penentuan hubungan antara faktor dan tahap literasi peta dunia dalam kalangan responden. Dalam bahagian pertama ia merangkumi aspek seperti profil demografi, tahap minat terhadap geografi, pendedahan kepada peta dunia, penggunaan media, pengalaman melancong dalam dan luar negara dan penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran geografi. Sementara dalam bahagian kedua pula merangkumi aspek tahap literasi peta dunia dan ia

merangkumi skor ujian literasi geografi, skor keseluruhan dan tahap literasi peta dunia yang dipersembahkan dalam bentuk bilangan dan peratus.

#### 4.1 Profil demografi

Jadual 1 memaparkan maklumat tentang profil demografi responden. Secara keseluruhannya, terdapat 191 orang jumlah responden yang terdiri dalam kalangan pelajar Ijazah Pertama Pendidikan Geografi di UPSI yang digunakan sebagai sampel dalam kajian ini. Bagi kategori jantina, jumlah pelajar lelaki adalah sebanyak 34% manakala pelajar perempuan seramai 66%. Jumlah ini mewakili jumlah sebenar nisbah jantina antara pelajar lelaki dan perempuan bagi program pengajian ini. Seterusnya, majoriti responden berumur dalam lingkungan 23 tahun iaitu sebanyak 62%. Responden yang paling muda adalah berumur 20 tahun iaitu seramai 15 orang atau 7.9% manakala yang paling berusia adalah berumur 27 tahun seramai 2 orang atau 1%. Bilangan responden untuk semester satu, semester dua dan semester tujuh adalah yang paling tinggi iaitu seramai 33 orang bersamaan 17.3% manakala bilangan responden yang berada pada semester tiga mencatatkan jumlah yang paling sedikit iaitu hanya 9 orang pelajar atau 4.7%. Seterusnya, bilangan responden untuk tahun empat mencatatkan jumlah yang paling tinggi iaitu seramai 64% bersamaan diikuti oleh responden tahun satu iaitu 27.2%, tahun tiga mencatatkan bilangan responden sebanyak 20.4% manakala tahun dua adalah sebanyak 18.8%.

Selanjutnya, jumlah peratus responden yang mengambil mata pelajaran geografi semasa sekolah menengah atas adalah lebih tinggi iaitu 85% manakala bagi responden yang tidak mengambil adalah sebanyak 15%. Bagi item jumlah pendapatan isirumah penjaga, majoriti responden iaitu seramai 31.4% bersetuju bahawa jumlah pendapatan isirumah penjaga adalah sebanyak RM1,001 hingga RM2,000 setiap bulan manakala seramai 27.7% responden bersetuju bahawa jumlah pendapatan isirumah peja dalam lingkungan RM3,001 dan ke atas. Seterusnya, bagi kategori tahap pendidikan ibu, 41.9% responden menyatakan bahawa ibu mereka mempunyai kelulusan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia dan sebanyak 5.2% menyatakan ibu mereka tidak bersekolah manakala tahap pendidikan peringkat kedoktoran mencatatkan hanya 1%. Bagi tahap pendidikan bapa pula, majoriti responden iaitu sebanyak 46.6% responden menunjukkan bahawa bapa mereka mempunyai kelulusan pendidikan pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), 3.1% adalah tidak bersekolah dan hanya 2.6% sahaja yang mempunyai kelulusan sarjana/kedoktoran Ph.D.

**Jadual 4:** Profil Demografi Responden

| Profil demografi | Bilangan | Peratus (%) |
|------------------|----------|-------------|
| <i>Jantina</i>   |          |             |
| Lelaki           | 65       | 34          |
| Perempuan        | 126      | 66          |
| <i>Umur</i>      |          |             |
| 20               | 15       | 7.9         |



|                           |    |      |
|---------------------------|----|------|
| 21                        | 26 | 13.6 |
| 22                        | 34 | 17.8 |
| 23                        | 62 | 32.5 |
| 24                        | 34 | 17.8 |
| 25                        | 15 | 7.9  |
| 26                        | 3  | 1.6  |
| 28                        | 2  | 1.0  |
| <i>Semester pengajian</i> |    |      |
| 1                         | 33 | 17.3 |
| 2                         | 33 | 17.3 |
| 3                         | 9  | 4.7  |
| 4                         | 19 | 9.9  |
| 5                         | 22 | 11.5 |
| 6                         | 22 | 11.5 |
| 7                         | 33 | 17.3 |
| 8                         | 20 | 10.5 |

(bersambung)

(sambungan)

| Profil demografi                                                     | Bilangan | Peratus (%) |
|----------------------------------------------------------------------|----------|-------------|
| <i>Tahun pengajian</i>                                               |          |             |
| Tahun 1                                                              | 52       | 27.2        |
| Tahun 2                                                              | 36       | 18.8        |
| Tahun 3                                                              | 39       | 20.4        |
| Tahun 4                                                              | 64       | 33.5        |
| <i>Jumlah pendapatan isirumah penjaga</i>                            |          |             |
| Kurang RM900                                                         | 31       | 16.2        |
| RM901 – RM1,000                                                      | 20       | 10.5        |
| RM1,001 – RM2,000                                                    | 60       | 31.4        |
| RM2,001 – RM3000                                                     | 27       | 14.1        |
| RM3,001 dan ke atas                                                  | 53       | 27.7        |
| <i>Pengalaman mengambil subjek geografi di sekolah menengah atas</i> |          |             |
| Ya                                                                   | 163      | 85.3        |
| Tidak                                                                | 28       | 14.7        |
| <i>Tahap pendidikan ibu</i>                                          |          |             |
| Tidak pernah bersekolah                                              | 10       | 5.2         |
| Sehingga darjah 6                                                    | 25       | 13.1        |
| SRP/PMR                                                              | 28       | 14.7        |
| SPM                                                                  | 80       | 41.9        |
| Matrikulasi/STPM                                                     | 21       | 11.0        |
| Diploma                                                              | 9        | 4.7         |



|                         |    |      |
|-------------------------|----|------|
| Ijazah Sarjana Muda     | 16 | 8.4  |
| Sarjana/Ph.D            | 2  | 1.0  |
| Tahap pendidikan bapa   |    |      |
| Tidak pernah bersekolah | 6  | 3.1  |
| Sehingga darjah 6       | 17 | 8.9  |
| SRP/PMR                 | 30 | 15.7 |
| SPM                     | 89 | 46.6 |
| Matrikulasi/STPM        | 13 | 6.8  |
| Diploma                 | 16 | 8.4  |
| Ijazah Sarjana Muda     | 14 | 7.3  |
| Sarjana/Ph.D            | 5  | 2.6  |

Sumber: Kajian lapangan (2020).

#### 4.1.1 Tahap minat terhadap geografi

Secara umumnya, minat yang tinggi terhadap suatu perkara atau subjek menunjukkan hubungan yang positif dan signifikan terhadap pengetahuan dan seterusnya tahap pencapaian seseorang pelajar dalam subjek tersebut. Melalui minat yang mendalam akan mewujudkan kesungguhan dan rajin berusaha untuk meneroka ilmu yang diminati dengan lebih jauh. Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan ini mendapati peratus responden yang sangat berminat terhadap ilmu geografi adalah sebanyak 57% manakala sebanyak 36% responden minat dalam ilmu geografi. Namun, terdapat 7% responden menunjukkan tahap minat yang sederhana. Secara keseluruhannya, didapati tiada responden yang menunjukkan tidak berminat terhadap ilmu geografi. Seterusnya, responden diajukan dengan item berkaitan tahap minat terhadap peta kerana mereka yang meminati ilmu geografi belum tentu mempunyai minat untuk mempelajari berkaitan peta termasuk peta dunia. Dapatan daripada kajian yang dijalankan menunjukkan peratus responden yang sangat berminat untuk mempelajari peta dunia adalah sebanyak 31%, bagi yang berminat pula mencatatkan sebanyak 41%, terdapat 25% responden yang menunjukkan tahap minat yang sederhana untuk mempelajari peta dan terdapat 3% yang menyatakan bahawa mereka tidak berminat untuk mempelajari tentang peta dunia.

#### 4.1.2 Pendedahan terhadap Penggunaan Peta Dunia

Dalam bahagian ini, perbincangan akan memfokuskan kepada dapatan kajian iaitu kekerapan responden dalam menggunakan peta dunia yang merangkumi kekerapan menggunakan peta kertas/atlas, kekerapan menggunakan peta digital *GPS/Google Maps*, kekerapan melibatkan diri dalam aktiviti dan program berasaskan peta dunia, kekerapan bermain aplikasi berasaskan peta dunia dan kekerapan menggunakan



*Google Earth*. Seterusnya, item tentang pemilikan peta kertas atau glob dan pengalaman melukis peta dunia.

Dapatan daripada kajian menunjukkan bahawa bagi item kekerapan menggunakan peta kertas, sebanyak 7.9% menyatakan amat jarang menggunakan peta kertas, 33.5% jarang menggunakannya, 45.5% menyatakan penggunaan pada tahap sederhana, 8.4% menyatakan kerap menggunakan manakala hanya 4.7% sahaja yang menyatakan bahawa mereka sangat kerap menggunakan peta kertas dalam kehidupan seharian. Seterusnya, bagi penyataan kekerapan menggunakan peta digital iaitu *GPS* dan juga *Google Maps* merekodkan sebanyak 2.5% amat jarang menggunakannya, 8.9% menyatakan jarang menggunakan peta digital, 20.4% memilih tahap sederhana, 36.1% menyatakan kerap menggunakan manakala sebanyak 31.9% sangat kerap menggunakan peta digital. Di samping itu, bagi penyataan kekerapan melibatkan diri dalam aktiviti dan program berasaskan peta dunia menunjukkan sebanyak 14.1% memilih sangat jarang, 37.7% menyatakan jarang, 74% menyatakan pada tahap sederhana, 5.2% menyatakan kerap dan sebanyak 4.2% memilih amat kerap.

Seterusnya bagi penyataan kekerapan bermain aplikasi permainan berasaskan peta dunia menunjukkan sebanyak 13.1% responden menjawab amat jarang, 31.9% menjawab jarang, 35.6% memilih tahap sederhana, 8.9% menjawab kerap dan 10.5% menjawab amat kerap bermain aplikasi berasaskan peta dunia. Bagi item terakhir dalam bahagian ini iaitu item kekerapan menggunakan perisian *Google Earth* menunjukkan sebanyak 4.2% responden memilih amat jarang, 22% memilih jarang, 42.4% memilih pada tahap sederhana, 18.3% memilih kerap menggunakan dan 13.1% memilih amat kerap menggunakan perisian *Google Earth*.

Item terakhir dalam bahagian ini adalah berkait dengan pemilikan peta kertas, peta glob dan pengalaman melukis peta dunia. Bagi item memiliki peta kertas atau peta atlas merekodkan sebanyak 32.5% memiliki peta kertas manakala selebihnya iaitu sebanyak 67.5% menyatakan tidak memiliki peta kertas. Seterusnya, bagi item memiliki peta glob 3, sebanyak 26.7% memberi respon bahawa mereka memiliki peta glob sementara 73.3% tidak memiliki peta glob. Akhir sekali, bagi pengalaman melukis peta dunia merekodkan sebanyak 57.1% pernah melukis peta dunia manakala 42.9% menyatakan tidak pernah melukis peta dunia sepanjang hidup mereka.

#### 4.1.3 Penggunaan media

Bahagian ini merangkumi item soalan berkaitan kekerapan responden menonton televisyen seperti *National Geographic*, *Discovery Channel*, *Animal Planet*, *History* dan sebagainya atau menggunakan media sebagai sumber maklumat berkaitan negara luar. Dapatan kajian menunjukkan terdapat 20.9% menonton televisyen setiap hari untuk mengikuti perkembangan negara luar, 30.9% memilih seminggu dua kali, 19.4% memilih seminggu sekali, 26.2% memilih sebanyak satu kali setiap bulan dan sebanyak 2.6% memilih langsung tidak pernah.



Sementara itu, bagi item kekerapan membaca surat khabar berkaitan perkembangan isu semasa yang berlaku di dalam mahupun di luar negara mendapati sebanyak 15.2% membaca surat khabar setiap hari, 16.8% membaca surat khabar seminggu dua kali, 25.7% membaca surat khabar seminggu sekali, 29.3% membaca surat khabar hanya sekali dalam tempoh sebulan dan 13.1% menyatakan tidak pernah.

Seterusnya bagi item soalan membaca buku berkaitan negara-negara luar. Berdasarkan analisis yang dibuat ke atas 191 responden mendapati 9.9% menjawab bahawa mereka membaca buku berkaitan negara-negara luar, 12% membaca buku seminggu dua kali, 22.5% membaca buku seminggu sekali, 33.5% membaca buku sebulan sekali dan 22% tidak pernah membaca buku berkaitan negara-negara luar.

Dapatan berikutnya menunjukkan tahap kecenderungan responden dalam menggunakan media sosial. Item soalan ini terdiri daripada aneka pilihan jawapan yang boleh dipilih lebih daripada satu jawapan oleh responden. Dapatan kajian menunjukkan sebanyak 76.4% memilih kecenderungan menggunakan media sosial untuk melihat kawasan pelancongan di pelosok dunia. Bagi pernyataan mengikuti perkembangan sukan antarabangsa seperti *La Liga*, *EPL*, *UEFA Champion League* dan lain-lain mencatatkan tahap kecenderungan sebanyak 27.2% sahaja dimana pernyataan ini mencatatkan nilai peratus yang paling sedikit. Bagi item ini kebanyakannya dipilih oleh responden lelaki kerana lelaki cenderung untuk meminati sukan bola sepak berbanding perempuan.

Seterusnya, bagi pernyataan kecenderungan untuk membeli secara atas talian mencatatkan sebanyak 57.6% responden bersetuju dengan pernyataan ini manakala mengikuti perkembangan muzik tempatan adalah sebanyak 47.1%. Seterusnya, pernyataan berkaitan mendapatkan ilmu pengetahuan dalam bidang kerohanian dan keagamaan mencatatkan sebanyak 47.6% responden bersetuju. Tahap kecenderungan responden untuk melihat resipi masakan di media sosial adalah sebanyak 48.7%. Di samping itu, bagi pernyataan mengikuti perkembangan isu semasa tempatan mencatatkan nilai peratus kedua tertinggi iaitu sebanyak 80.6% manakala mengikuti perkembangan berkaitan negara luar mencatatkan nilai peratus tertinggi iaitu sebanyak 81.2%. Peratus ini mencatatkan nilai yang paling tinggi dimana kebanyakan responden cenderung untuk mengetahui isu yang berlaku di negara luar berbanding di negara sendiri.

Bagi sumber informasi yang paling banyak menyumbang dalam meningkatkan pengetahuan perkembangan luar pula menunjukkan bahawa sebanyak 72.8% menyatakan internet sebagai penyumbang terbesar dalam meningkatkan pengetahuan mereka tentang negara-negara luar, media sosial seperti *Facebook* dan *Instagram* sebanyak 22%, 3.1% memilih program televisyen dan 0.5% memilih buku, majalah, surat khabar dan radio.

#### 4.1.4 Pengalaman melancong dalam dan luar negara



Seperti dibincangkan sebelum ini, pengalaman melancong adalah salah satu sumber maklumat penting untuk mengenali negara sendiri atau apatah lagi negara luar. Dengan melancong, manusia akan berupaya untuk mengenal nama negara, lokasi kedudukan negara dalam peta dunia serta mempunyai maklumat secara terperinci seperti ciri fizikal atau fenomena geografi yang terdapat di negara yang dilawati. Bagi bahagian ini responden boleh memilih lebih daripada satu pilihan jawapan yang diberikan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sebanyak 84% pernah melancong dalam negara manakala 16% menyatakan bahawa mereka tidak pernah melancong dalam negara Malaysia. Seterusnya, daripada segi kekerapan responden melancong dalam negara dalam tempoh setahun. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sebanyak 51.8% menyatakan melancong sekali setahun, 23% menyatakan dua kali dalam tempoh setahun, 7.3% menyatakan sebanyak 3 kali dan 17.8% menyatakan mereka melancong dalam negara sebanyak lebih daripada tiga kali dalam tempoh setahun. Secara keseluruhannya, kebanyakan responden hanya melakukan perlancongan dalam negara sebanyak sekali sahaja dalam tempoh setahun.

Bagi item destinasi utama melancong di dalam dan luar negara, item pilihan jawapan bagi melihat keindahan alam semulajadi mencatatkan nilai yang paling tinggi iaitu sebanyak 90.1%, kawasan pelancongan rekreasi mencatatkan sebanyak 59.7%, 42.9% menyatakan mereka lebih cenderung untuk menjadikan pusat beli belah sebagai destinasi utama apabila ketika melancong, 40.8% cenderung untuk memilih pelancongan sosiobudaya sebagai destinasi utama mereka dan akhir sekali bagi item pilihan jawapan industri kraftangan mencatatkan bilangan dan pertusan yang paling rendah iaitu hanya 23%.

#### 4.1.5 Penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran geografi

Ibu bapa merupakan individu yang memainkan peranan besar dalam memastikan proses pembelajaran anak-anak berjalan dengan baik dan betul. Hal ini demikian kerana persekitaran pertama yang dilalui oleh anak-anak semasa proses pembesaran adalah bermula di sesebuah keluarga. Bagi item soalan ini sebanyak 6.8% responden memilih sangat setuju, 27.2% memilih setuju, 40.8% memilih sederhana 11.5% memilih tidak bersetuju dan sebanyak 13.7% memilih sangat tidak bersetuju dengan item soalan ini. Seterusnya, bagi item soalan ibu bapa memberi sokongan dan motivasi dalam pembelajaran geografi di rumah sebanyak 34.5% memilih sangat bersetuju memilih 32.4% bersetuju, 25.6% memilih tahap sederhana, 6.2% memilih tidak bersetuju dan 1% memilih sangat tidak bersetuju.

Item soalan berikutnya adalah berkaitan dengan ibu bapa sangat prihatin terhadap pencapaian akademik menunjukkan 47.6% memilih sangat bersetuju, 34% memilih bersetuju, 15.7% memilih tahap sederhana, 2% memilih tidak bersetuju dan 0.05% memilih sangat tidak bersetuju. Sementara itu, bagi item soalan kemudahan pembelajaran di rumah disediakan oleh kedua ibu bapa seperti buku geografi, glob, peta kertas, meja tulis dan sebagainya sebanyak 25.1% menyatakan sangat bersetuju,



41.8% menyatakan bersetuju, 21.9% menyatakan pada tahap sederhana, 7.3% menyatakan tidak bersetuju dan 3.6% menyatakan sangat tidak bersetuju.

Akhir sekali, iaitu item soalan berkaitan ibu bapa sering melakukan perbincangan tentang isu semasa yang berlaku di dalam negara dan luar negara. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat 20.9% menyatakan sangat bersetuju, 34% menyatakan bersetuju, 34% menyatakan tahap sederhana, 7.8% menyatakan tidak bersetuju dan 3.1% menyatakan sangat tidak bersetuju dengan item soalan ini.

#### 4.2 Skor literasi peta dunia

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian berkaitan skor literasi peta dunia dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Geografi, UPSI melalui ujian menandakan kedudukan negara, lautan dan benua berdasarkan peta dunia yang diberikan.

##### 4.2.1 Bilangan dan peratus skor literasi peta dunia

Jadual 2 menunjukkan skor bilangan dan peratus jawapan kepada item ujian literasi peta dunia yang merangkumi aspek kedudukan negara, lautan dan benua. Ujian yang diberikan kepada responden mengkehendaki mereka untuk menandakan lokasi kedudukan negara, lautan dan benua yang terdapat dalam peta dunia yang disediakan. Rumusan yang dapat dibuat daripada 38 soalan yang dikemukakan adalah seperti berikut:

- a) Item soalan ujian seperti kedudukan benua yang memiliki suhu terendah, lautan Hindi, negara Kanada, Australia, Malaysia, Amerika Syarikat, China, Brazil, Rusia, Jepun dan Indonesia dalam peta dunia memperoleh peratus skor jawapan betul melebihi 80%; dan
- b) Item soalan seperti kedudukan negara Algeria, Sudan, Sepanyol, bilangan benua dalam peta dunia, Finland, Libya, Iran, Afghanistan, Jerman, Nigeria, Tanzania, benua di mana terletak negara Maldives dan Zimbabwe dalam peta dunia memperoleh peratus skor jawapan betul kurang daripada 70%.

##### 4.2.2 Skor keseluruhan bagi ujian literasi peta dunia

Rajah 1 menunjukkan skor keseluruhan bagi ujian literasi peta dunia yang diperoleh oleh responden bagi 38 item soalan yang dikemukakan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat 16 orang responden berjaya menjawab semua soalan dengan betul manakala responden yang dapat menjawab 37 daripada 38 soalan dengan betul adalah seramai 31 orang. Bagi responden yang berjaya menjawab 36 soalan dengan betul adalah seramai 23 orang. Walau bagaimanapun, terdapat tiga orang responden yang berjaya menjawab tiga soalan dengan betul manakala terdapat tiga orang responden yang hanya berjaya menjawab dua daripada 38 soalan dengan betul.



Malah terdapat seorang responden hanya berjaya menjawab satu soalan sahaja dengan betul. Hal ini amat membimbangkan kerana pelajar geografi sepatutnya mempunyai pengetahuan yang lebih tinggi terutama berkaitan kedudukan sebuah negara, benua mahupun lautan dalam peta dunia.

#### 4.2.3 Tahap literasi peta dunia bagi 38 soalan

Perbincangan dalam bahagian ini menumpukan kepada tahap literasi peta dunia yang diperoleh oleh responden berdasarkan kepada 38 soalan yang dikemukakan. Tahap literasi peta dunia ditentukan berdasarkan skala penggredan kursus geografi di UPSI iaitu bagi tahap cemerlang jumlah markah adalah antara 75 – 100, baik antara 60 – 74, sederhana antara 45 – 59 dan lemah antara 0 – 44. Jadual 3 menunjukkan tahap literasi peta dunia dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Geografi, UPSI. Seperti dinyatakan sebelum ini terdapat seramai 191 orang responden yang terlibat dalam kajian ini.




**Jadual 2:** Bilangan dan peratus bagi soalan kedudukan negara berdasarkan peta dunia

| Item soalan                                 | Betul | Peratus (%) | Salah | Peratus (%) |
|---------------------------------------------|-------|-------------|-------|-------------|
| <b>1. Kedudukan negara dalam peta dunia</b> |       |             |       |             |
| Benua yang memiliki suhu terendah           | 172.0 | 90.0        | 19.0  | 9.9         |
| Lautan Hindi                                | 165.0 | 86.3        | 26.0  | 13.6        |
| Kanada                                      | 161.0 | 84.2        | 30.0  | 15.7        |
| Australia                                   | 161.0 | 84.2        | 30.0  | 15.7        |



|                               |       |      |      |      |
|-------------------------------|-------|------|------|------|
| Malaysia                      | 158.0 | 82.7 | 33.0 | 17.2 |
| Amerika Syarikat              | 156.0 | 81.6 | 35.0 | 18.3 |
| China                         | 156.0 | 81.6 | 35.0 | 18.3 |
| Brazil                        | 155.0 | 81.1 | 36.0 | 18.8 |
| Rusia                         | 155.0 | 81.1 | 36.0 | 18.8 |
| Jepun                         | 153.0 | 80.1 | 38.0 | 19.8 |
| Indonesia                     | 153.0 | 80.1 | 38.0 | 19.8 |
| India                         | 151.0 | 79.0 | 40.0 | 20.9 |
| Lautan Pasifik                | 149.0 | 78.0 | 42.0 | 21.9 |
| Greenland                     | 146.0 | 76.4 | 45.0 | 23.5 |
| Benua terkecil di dunia       | 146.0 | 76.4 | 45.0 | 23.5 |
| Myanmar                       | 144.0 | 75.3 | 47.0 | 24.6 |
| Lautan Atlantik               | 144.0 | 75.3 | 47.0 | 24.6 |
| Benua Brazil dan Argentina    | 143.0 | 74.8 | 48.0 | 25.1 |
| Kazakhstan                    | 139.0 | 72.7 | 52.0 | 27.2 |
| Papua New Guinea              | 139.0 | 72.7 | 52.0 | 27.2 |
| Turki                         | 138.0 | 72.2 | 53.0 | 27.7 |
| New Zealand                   | 137.0 | 71.7 | 54.0 | 28.2 |
| Peru                          | 136.0 | 71.2 | 55.0 | 28.7 |
| Argentina                     | 135.0 | 70.6 | 56.0 | 29.3 |
| Arab Saudi                    | 135.0 | 70.6 | 56.0 | 29.3 |
| Algeria                       | 126.0 | 65.9 | 65.0 | 34.0 |
| Sudan                         | 124.0 | 64.9 | 67.0 | 35.0 |
| Sepanyol                      | 124.0 | 64.9 | 67.0 | 35.0 |
| Jumlah benua dalam peta dunia | 123.0 | 64.3 | 68.0 | 35.6 |
| Finland                       | 121.0 | 63.3 | 70.0 | 36.6 |
| Libya                         | 120.0 | 62.8 | 71.0 | 37.1 |
| Iran                          | 118.0 | 61.7 | 73.0 | 38.2 |
| Aghanistan                    | 115.0 | 60.2 | 76.0 | 39.7 |
| Jerman                        | 114.0 | 59.6 | 57.0 | 29.8 |
| Nigeria                       | 112.0 | 58.6 | 79.0 | 41.3 |
| Tanzania                      | 111.0 | 58.1 | 80.0 | 41.8 |
| Maldives terletak di benua    | 107.0 | 56.0 | 84.0 | 43.9 |
| Zimbabwe                      | 99.0  | 51.8 | 92.0 | 48.1 |

Sumber: Kajian lapangan (2020).



**Rajah 1:** Skor keseluruhan ujian literasi peta dunia

*Sumber:* Kajian lapangan (2020).

Dapatan kajian menunjukkan bahawa, bagi soalan yang mencatatkan tahap yang cemerlang iaitu memperoleh julat markah antara 75% hingga 100% termasuklah menentukan kedudukan negara Kanada, Amerika Syarikat, Brazil, India, Rusia, China, Jepun, Malaysia, Australia, Myanmar, Greenland dan Indonesia. Bagi item soalan berkaitan kedudukan negara yang mencatatkan tahap yang baik iaitu dengan julat markah antara 60% sehingga 74% adalah negara Argentina, Algeria, Sudan, Turki, Kazakhstan, Arab Saudi, Finland, New Zealand, Papua New Guinea, Afghanistan, Peru, Libya, Sepanyol dan juga Iran. Bagi item soalan yang mencatatkan tahap sederhana pula iaitu dengan julat markah antara 45% sehingga 59% adalah negara Tanzania, Nigeria, Jerman dan Zimbabwe.




### Jadual 3: Tahap Literasi bagi 38 soalan

| Soalan/Item                                   | Cemerlang | Baik | Sederhana | Lemah |
|-----------------------------------------------|-----------|------|-----------|-------|
| <i>1. Kedudukan negara</i>                    |           |      |           |       |
| Kanada                                        | *         |      |           |       |
| Amerika Syarikat                              | *         |      |           |       |
| Brazil                                        | *         |      |           |       |
| Argentina                                     |           | *    |           |       |
| Algeria                                       |           | *    |           |       |
| Sudan                                         |           | *    |           |       |
| Tanzania                                      |           |      | *         |       |
| Turki                                         |           | *    |           |       |
| India                                         | *         |      |           |       |
| Kazakhstan                                    |           | *    |           |       |
| Arab Saudi                                    |           | *    |           |       |
| Finland                                       |           | *    |           |       |
| Rusia                                         | *         |      |           |       |
| China                                         | *         |      |           |       |
| Jepun                                         | *         |      |           |       |
| Malaysia                                      | *         |      |           |       |
| Australia                                     | *         |      |           |       |
| New Zealand                                   |           | *    |           |       |
| Myanmar                                       | *         |      |           |       |
| Papua New Guinea                              |           | *    |           |       |
| Afghanistan                                   | *         | *    |           |       |
| Greenland                                     | *         |      |           |       |
| Peru                                          |           | *    |           |       |
| Indonesia                                     | *         |      |           |       |
| Libya                                         |           | *    |           |       |
| Nigeria                                       |           |      | *         |       |
| Sepanyol                                      |           | *    |           |       |
| Jerman                                        |           |      | *         |       |
| Iran                                          |           | *    |           |       |
| Zimbabwe                                      |           |      | *         |       |
| <i>2. Kedudukan lautan dalam peta dunia</i>   |           |      |           |       |
| Lautan Pasifik                                | *         |      |           |       |
| Lautan Atlantik                               | *         |      |           |       |
| Lautan Hindi                                  | *         |      |           |       |
| <i>3. Kedudukan benua dalam Peta dunia</i>    |           |      |           |       |
| Benua terletaknya negara Brazil dan Argentina |           | *    |           |       |
| Benua terkecil di dunia                       | *         |      |           |       |
| Jumlah benua dalam peta dunia                 |           | *    |           |       |
| Benua terletaknya negara Maldives             |           |      | *         |       |
| Benua yang memiliki suhu terendah             | *         |      |           |       |

Sumber: Kajian lapangan (2020).

Bagi item soalan berkaitan kedudukan lautan dalam peta dunia pula mencatatkan tahap cemerlang bagi ketiga-tiga item soalan tersebut iaitu Lautan Pasifik, Lautan Atlantik dan Lautan Hindi. Hal ini menunjukkan responden mempunyai tahap literasi yang tinggi berkaitan kedudukan lautan dalam peta dunia. Seterusnya, bagi item soalan berkaitan benua iaitu pernyataan berkaitan benua terletakinya negara Brazil dan Argentina mencatatkan tahap literasi yang baik manakala soalan berkaitan benua terkecil di dunia mencatatkan tahap literasi yang cemerlang dimana kebanyakan responden berupaya menjawab item soalan ini dengan betul. Seterusnya, bagi item soalan jumlah benua yang terdapat dalam peta dunia mencatatkan tahap yang baik dimana masih terdapat responden yang menjawab terdapat 5 benua (11%), 6 benua (19.4%) dan terdapat juga responden yang menjawab terdapat 8 benua (5.2%) dalam peta dunia. Hal ini sepatutnya tidak berlaku kerana responden terdiri daripada pelajar geografi yang seharusnya mempunyai pengetahuan asas berkaitan pengetahuan lokasi dan tempat.

Rajah 2 menunjukkan peratus tahap literasi peta dunia dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Geografi, UPSI. Secara keseluruhannya, dapatan daripada kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa responden mempunyai tahap literasi peta dunia yang baik iaitu 71.7%. Secara spesifiknya, terdapat 63% daripada responden mempunyai tahap literasi peta dunia pada tahap cemerlang, 11.5% pada tahap baik, 5.2% pada tahap sederhana dan 21% pada tahap lemah.



**Rajah 2.** Tahap literasi peta dunia

*Sumber:* Kajian lapangan (2020).

#### 4.3 Penentuan antara tahap literasi peta dunia dan faktor-faktor penentu

Jadual 5 menunjukkan dapatan daripada analisis ujian khi-kuasa dua yang dijalankan bagi penentuan antara tahap literasi peta dunia dan faktor-faktor yang menentukannya. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan variasi pencapaian skor yang ditentukan oleh beberapa faktor seperti minat terhadap peta dunia, kekerapan menggunakan perisian *Google Earth*, kekerapan menonton televisyen berkaitan informasi luar negara (*National Geographic*, *Animal Planet*, *Discovery Channel* dan *History Channels*), pengalaman melancong dan keperihatinan ibu bapa terhadap pencapaian akademik. Penting untuk dinyatakan disini bahawa terdapat perbezaan daripada segi faktor-faktor penentu yang dikenal pasti dalam kajian ini dengan kajian-kajian lepas. Misalnya bagi faktor jantina, dapatan kajian lepas menunjukkan bahawa faktor ini mempunyai hubungan yang positif dalam menentukan tahap literasi peta dunia dalam kalangan responden; pelajar lelaki cenderung mempunyai prestasi yang lebih baik berbanding pelajar perempuan (*National Geographic Roper*, 2002; Hemmer et al., 2013; Mhishi et al., 2013; Winship et al., 2004), sementara dapatan kajian ini menunjukkan sebaliknya.

Begitu juga dengan faktor pengalaman mengambil subjek geografi pada peringkat sekolah menengah. Kajian yang dijalankan oleh Wakabayashi (2013) dan Suhendra et al. (2020) mendapati pengalaman mengambil subjek geografi pada peringkat menengah tinggi mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan pencapaian ujian literasi peta yang dijalankan. Namun, dapatan sebaliknya ditemui dalam kajian ini dimana faktor ini tidak mempunyai hubungan positif yang signifikan.

Dapatan daripada kajian lepas juga menunjukkan bahawa pengalaman melancong merupakan faktor penentu yang signifikan dalam meningkatkan tahap literasi peta dunia dalam kalangan pelajar. Dalam lain perkataan, dapatan kajian lepas menunjukkan bahawa responden yang sering melancong ke luar negara mempunyai pencapaian skor yang lebih tinggi berbanding mereka yang jarang melancong ke luar negara (Collins, 2018; Torrens, 2001). Kajian yang dijalankan oleh Collins (2018) misalnya pelajar yang kerap melancong ke luar negara memperoleh skor yang lebih tinggi dalam mengenal pasti lokasi dan tempat berbanding pelajar yang kurang melancong ke luar negara. Ini kerana, dengan melancong seseorang individu itu akan mula meneroka dan mencari maklumat berkaitan negara yang hendak dilawati sama ada dengan merujuk buku-buku panduan pelancongan atau sumber internet. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan lagi tahap pengetahuan individu tersebut tentang negara yang hendak dilawati. Selain itu, aspek terpenting ialah pengalaman berada di negara asing dan, memahami budaya dan corak hidup yang berbeza-beza yang terdapat di negara yang dilawati.

**Jadual 5:** Ujian khi-kuasa dua bagi faktor-faktor penentu tahap literasi peta dunia

|                                                                                                                                              | Nilai  | dk  | Sig.    |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------|-----|---------|
| <i>Jantina</i>                                                                                                                               |        |     |         |
| Khi-kuasa dua Pearson                                                                                                                        | .916   | 3   | .822    |
| Nisbah likelihood                                                                                                                            | .903   | 3   | .825    |
| <i>Tahap pendidikan ibu</i>                                                                                                                  |        |     |         |
| Khi-kuasa dua Pearson                                                                                                                        | 15.424 | 21  | .801    |
| Nisbah likelihood                                                                                                                            | 17.823 | 245 | .660    |
| <i>Tahap pendidikan bapa</i>                                                                                                                 |        |     |         |
| Khi-kuasa dua Pearson                                                                                                                        | 35.987 | 24  | .060    |
| Nisbah likelihood                                                                                                                            | 39.850 | 24  | .022    |
| <i>Pengalaman ambil geografi tingkatan 4</i>                                                                                                 |        |     |         |
| Khi-kuasa dua Pearson                                                                                                                        | 19.356 | 24  | .732    |
| Nisbah likelihood                                                                                                                            | 19.064 | 24  | .749    |
| <i>Minat terhadap peta dunia</i>                                                                                                             |        |     |         |
| Khi-kuasa dua Pearson                                                                                                                        | 24.305 | 9   | .004*** |
| Nisbah likelihood                                                                                                                            | 26.071 | 9   | .002    |
| <i>Kekerapan guna Google Earth</i>                                                                                                           |        |     |         |
| Khi-kuasa dua Pearson                                                                                                                        | 21.645 | 12  | .042*** |
| Nisbah likelihood                                                                                                                            | 22.204 | 12  | .035    |
| <i>Kekerapan menonton televisyen berkaitan informasi luar negara (National Geographic, Animal Planet dan Discovery dan History Channels)</i> |        |     |         |
| Khi-kuasa dua Pearson                                                                                                                        | 30.135 | 12  | .003*** |
| Nisbah likelihood                                                                                                                            | 30.275 | 12  | .003    |
| <i>Pengalaman melancong</i>                                                                                                                  |        |     |         |
| Khi-kuasa dua Pearson                                                                                                                        | 13.143 | 3   | .004*** |
| Nisbah likelihood                                                                                                                            | 11.385 | 3   | .010    |
| <i>Ibu bapa yang prihatin terhadap pencapaian akademik</i>                                                                                   |        |     |         |
| Khi-kuasa dua Pearson                                                                                                                        | 34.939 | 12  | .000*** |
| Nisbah likelihood                                                                                                                            | 35.587 | 12  | .000    |

Nota: \*\*\* signifikan pada aras keertian 0.05.

Dapatan kajian ini bagaimanapun menunjukkan bahawa penggunaan media mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan tahap literasi peta dunia dalam kalangan responden. Dapatan kajian ini disokong oleh kajian yang dilakukan Mhishi et al. (2013) dimana mereka mendapati bahawa terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara penggunaan media dan tahap literasi peta dunia. Misalnya, kajian yang mereka jalankan turut meneliti aspek persepsi pelajar tentang kepentingan penggunaan media dalam meningkatkan pengetahuan tentang peta

dunia. Dapatan kajian mereka mendapati 98% responden berpendapat bahawa penting untuk mengikuti perkembangan semasa dunia melalui penggunaan media, diikuti menerusi berita dalam internet (38%), surat khabar (21%), radio (16%) dan televisyen (15%). Secara keseluruhannya, 99% pelajar berpendapat pentingnya mempunyai kemahiran penggunaan media dan internet dalam meningkatkan tahap literasi lokasi dan tempat. Dapatan kajian yang dijalankan ini turut menunjukkan corak yang sama dimana responden yang kerap menonton televisyen berunsurkan informasi tentang negara-negara luar mempunyai pencapaian prestasi ujian yang lebih baik.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Aksoy (2019) menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara tahap literasi peta dan juga tahap minat dalam geografi termasuk peta dunia. Pelajar yang mempunyai tahap minat yang tinggi terhadap geografi memperoleh prestasi skor yang lebih tinggi berbanding pelajar yang kurang minat geografi. Jelas sekali disini bahawa, dapatan kajian beliau menyokong dapatan yang ditemui dalam kajian ini. Akhir sekali, bagi peranan ibu bapa terhadap pencapaian geografi anak-anak mereka mendapati terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran geografi dalam menyumbang kepada pencapaian skor ujian literasi peta dunia yang lebih tinggi. Ini disokong oleh kajian lepas yang dilakukan oleh Hemmerechts et al. (2016) dan Muniandy (2019).

## 5. Kesimpulan

Kajian yang dijalankan telah berjaya mencapai matlamat utama kajian iaitu mengenal pasti tahap literasi peta dunia dan faktor yang menentukannya dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Geografi di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Dengan menggunakan reka bentuk kajian tinjauan dan ujian literasi peta dunia, kajian ini mendapati secara umumnya bahawa tahap literasi peta dunia dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Geografi, UPSI adalah tahap yang baik iaitu 71.7%. Faktor-faktor seperti minat terhadap peta dunia, kekerapan menggunakan perisian *Google Earth*, kekerapan menonton televisyen berkaitan informasi luar negara (*National Geographic*, *Animal Planet*, *Discovery Channel* dan *History Channels*), pengalaman melancong dan keperihatinan ibu bapa terhadap pencapaian akademik adalah penentu penting kepada pencapaian skor ujian literasi peta dunia yang lebih tinggi dalam kalangan responden.

Dapatan kajian ini penting dalam memberi gambaran umum tentang tahap literasi geografi secara umumnya dan literasi peta dunia secara khususnya dalam kalangan bakal pendidik. Walaupun secara umumnya prestasi bakal guru geografi yang dikeluarkan oleh UPSI adalah pada tahap memuaskan daripada segi literasi peta dunia, tetapi masih terdapat banyak lagi ruang yang boleh dibaiki dan dipertingkatkan. Misalnya, masih terdapat sebilangan bakal pendidik ini yang tidak tahu kedudukan negara-negara yang terdapat di dunia ini. Misalnya, terdapat

responden yang memperoleh skor rendah bagi kedudukan negara Tanzania, Nigeria, Jerman dan Zimbabwe. Begitu juga dengan benua dimana terletaknya negara Maldives. Di samping itu, apa yang lebih menggusarkan juga bahawa terdapat lebih daripada 17% responden yang tidak dapat menentukan kedudukan negara Malaysia dalam peta dunia yang diberikan.

Seperti juga kajian-kajian lain yang dijalankan, kajian ini tidak terlepas daripada kelemahannya sendiri. Justeru, menjadi keperluan kepada kajian lanjut dijalankan bagi memantapkan lagi pemahaman kita tentang tahap literasi peta dunia dan faktor yang menjadi penentunya. Antara aspek-aspek yang boleh dilihat oleh kajian akan datang misalnya membuat kajian perbandingan antara pelajar pendidikan geografi yang mengikuti latihan keguruan di beberapa buah universiti awam di Malaysia seperti dengan Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang dan Universiti Malaysia Sabah (UMS), Sabah. Dapatan daripada kajian perbandingan ini sudah tentu lebih menarik kerana ia akan memberi gambaran yang lebih menyeluruh tentang kualiti bakal guru geografi yang dikeluarkan oleh universiti-universiti awam di Malaysia. Selain itu, kajian pada masa hadapan juga mungkin boleh mempertimbangkan faktor-faktor lain yang belum diuji dalam kajian ini mahupun kajian-kajian lepas. Faktor seperti keghairan responden untuk mempertingkatkan pengetahuan geografi mereka boleh diberikan pertimbangan sewajarnya. Walaupun faktor ini mungkin agak sukar untuk diukur tetapi bentuk kajian bersifat kualitatif boleh digunakan. Dengan menggabungkan antara pendekatan kuantitatif dan kualitatif, kajian yang dijalankan akan menjadi lebih mantap.

## Rujukan

- Aksoy, B. (2019). Determination of map literacy of undergraduate geography students. *Review of International Geographical Education Online*, 9(3), 591–603. <https://doi.org/10.33403/rigeo.582301>
- Collins, L. (2018). The Impact of Paper Versus Digital Map Technology on Students' Spatial Thinking Skill Acquisition. *Journal of Geography*, 117(4), 137–152. <https://doi.org/10.1080/00221341.2017.1374990>.
- Dunn, J. M. (2011). Location knowledge: Assessment, spatial thinking, and new National Geography Standards. *Journal of Geography*, 110(2), 81–89. <https://doi.org/10.1080/00221341.2010.511243>
- Erol, H. (2020). 8Th Grade Students' Positioning Skills on the Map. *Eurasian Journal of Educational Research*, 2020(88), 67–86. <https://doi.org/10.14689/ejer.2020.88.3>
- Hamdanah, H., Rohmat, D., & Setiawan, I. (2004). *Google Earth Utilization in Increasing Spatial Literacy of High School Students*. 2.
- Havelková, L., & Hanus, M. (2019). Map Skills in Education: A Systematic Review of Terminology, Methodology, and Influencing Factors. In *Review of International*

*Geographical Education Online* (Issue September)

- Hemmer, I., Hemmer, M., Kruschel, K., Neidhardt, E., Obermaier, G., & Uphues, R. (2013). Which children can find a way through a strange town using a streetmap?-results of an empirical study on children's orientation competence. *International Research in Geographical and Environmental Education*, 22(1), 23–40. <https://doi.org/10.1080/10382046.2012.759436>
- Hemmerechts, K., Agirdag, O., & Kavadias, D. (2017). The relationship between parental literacy involvement, socio-economic status and reading literacy. *Educational Review*, 69(1), 85-101.
- Hennerdal, P. (2016). Changes in place location knowledge: a follow-up study in Arvika, Sweden, 1968 and 2013. *International Research in Geographical and Environmental Education*, 25(4), 309–327. <https://doi.org/10.1080/10382046.2016.120799>
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Larangeira, R., & Van Der Merwe, C. D. (2016). Map literacy and spatial cognition challenges for student geography teachers in South Africa. *Perspectives in Education*, 34(2), 120–138. <https://doi.org/10.18820/2519593X/pie.v34i2.9>
- Mhishi, M., Pedzisai, E., & Mandoga, E. (2013). Geographic Literacy and World Knowledge amongst Open Distance Learning Students in Zimbabwe. *Greener Journal of Educational Research*, 3(7), 301–309. <https://doi.org/10.15580/gjer.2013.7.051413612>
- Mohd Faris Dziauddin, Mohamad Suhaily Yusri Che Ngah & Mohmadisa Hashim. (2012). Literasi Geografi Di Malaysia Satu Kajian Tinjauan Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam di Semenanjung Malaysia. Tanjong Malim, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- National Geographic. (2011). *Map*. Diperoleh daripada <https://www.nationalgeographic.org/encyclopedia/map/>
- National Geographic-Roper Public Affairs. (2006). Final Report, National Geographic-Roper Public Affairs 2006 Geographic Literacy Study <http://www.nationalgeographic.com/roper2006/pdf/FINALReport2006GeogLitsurvey.pdf>
- Pala, Ş. M., & Başibüyük, A. (2020). Investigation of geography and social sciences curriculum in terms of Map skills. *Review of International Geographical Education Online*, 10(SpecialIssue1), 84–96. <https://doi.org/10.33403/rigeo.641552>
- Rautenbach, V., Coetzee, S., & Çöltekin, A. (2017). Development and evaluation of a specialized task taxonomy for spatial planning – A map literacy experiment with topographic maps. *ISPRS Journal of Photogrammetry and Remote Sensing*, 127, 16–26. <https://doi.org/10.1016/j.isprsjprs.2016.06.013>

- RoperASW. (2002). *National Geographic - Roper 2002 global geographic literacy survey*. November, 72. <http://www.nationalgeographic.com/geosurvey2002/download/RoperSurvey.pdf>
- Segara, N. B., Maryani, E., Supriatna, N., & Ruhimat, M. (2018). Introducing Map Literacy Model of Learning. *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science*, 145(1). <https://doi.org/10.1088/1755-1315/145/1/012046>
- Teale, W. H. (1986). Home background and young children's literacy development. *Emergent literacy: Writing and reading*, 173-206.
- Thanusha Muniandy. (2019). The Study Of The Relationship Between Parental Involvement And Early Reading Involvement And Early Reading Literacy Development. Universiti Tunku Abdul Rahman.
- Torrens, P. M. (2001). Where in the world? Exploring the factors driving place location knowledge among secondary level students in Dublin, Ireland. *Journal of Geography*, 100(2), 49-60. <https://doi.org/10.1080/00221340108978417>
- Turner, S., & Leydon, J. (2012). Improving Geographic Literacy among First-Year Undergraduate Students: Testing the Effectiveness of Online Quizzes. *Journal of Geography*, 111(2), 54-66. <https://doi.org/10.1080/00221341.2011.583263>
- Utami, W. S., Zain, I. M., & Sumarmi. (2018). Geography literacy can develop Geography skills for high school students: Is it true? *IOP Conference Series: Materials Science and Engineering*, 296(1), 0-6. <https://doi.org/10.1088/1757-899X/296/1/012032>
- Waddington, S., Shimura, T. (2019). Worldview-An investigation of Japanese and Irish children's geographical knowledge and understanding. *Review of International Geographical Education Online (RIGEO)*, 9(3), 493-522. <http://www.rigeo.org/vol9no3/Number3 Winter/ RIGEO-V9-N3-1.pdf>
- Wakabayashi Y. (2013). Role of Geographic Knowledge and Spatial Abilities in Map Reading Process: Implications for Geospatial Thinking. *Geographical Reports of Tokyo Metropolitan University*, 48(January 2013), 37-48.
- Winship, J. M., Grossman, L. S., Kennedy, L. M., & Morrill, R. W. (2004). *Geographic Literacy and World Knowledge Among Undergraduate College Students*.
- Zhu, L., Pan, X., & Gao, G. (2016). Assessing Place Location Knowledge Using a Virtual Globe. *Journal of Geography*, 115(2), 72-80. <https://doi.org/10.1080/00221341.2015.1043930>